



**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
ANTARA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
DAN  
MERAH PERUNDING SDN BHD**

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
ANTARA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
DAN  
MERAH PERUNDING SDN BHD**

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**, (selepas ini dirujuk sebagai “UPM”) sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] Undang-Undang Malaysia yang beralamat di 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan dan termasuk wakil sah dan penerima mahaknya yang sah;

**DAN**

**MERAH PERUNDING SDN BHD** (No. Pendaftaran Syarikat: 1212142-X) (selepas ini dirujuk sebagai “MPSB”) sebuah syarikat yang diperbadankan dan berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang beralamat di No. R-1-1 Emira Urban Retail, Jalan Boling Padang, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor dan termasuk wakil sah dan penerima mahaknya yang sah;

(selepas ini dirujuk sebagai “Pihak” secara berasingan dan “Pihak-pihak” secara bersama).

**BAHAWASANYA:-**

- A. UPM merupakan sebuah Universiti yang sentiasa berusaha memperkasakan dan memperkuatkan penyelidikannya, pembangunannya dan kepakaran teknikalnya dan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi melengkapkan kecemerlangan pengajiannya dan telah memasuki pelbagai perkiraan kerjasama dengan pihak-pihak lain bagi memperkasakan jaringan kerjasamanya;

- B. MPSB merupakan sebuah syarikat perunding yang menyediakan perkhidmatan perundingan profesional kepada pelanggan pelbagai sektor sama ada swasta dan kerajaan dalam pelbagai bidang kejuruteraan termasuk kejuruteraan awam;
- C. Pihak-pihak berhasrat untuk memasuki Memorandum Persefahaman ini bagi menzahirkan niat masing-masing dan bagi mengadakan suatu asas kerjasama dan muafakat antara pihak-pihak berdasarkan kepada terma-terma yang terkandung di sini,

**TELAH MENCAPAI PERSEFAHAMAN BERIKUT:-**

**ARTIKEL I**

**OBJEKTIF**

Pihak-pihak, tertakluk kepada terma-terma Memorandum Persefahaman ini dan undang-undang, kaedah, peraturan dan polisi negara yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa di negara ini, akan berusaha untuk memperkuat, memupuk dan memperkembangkan kerjasama antara Pihak-pihak atas asas kesaksamaan dan manfaat bersama.

**ARTIKEL II**

**BIDANG KERJASAMA**

1. Setiap Pihak, tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan polisi negara yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa yang mentadbir perkara ini dalam negara ini, akan berusaha mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menggalakkan dan memupuk kerjasama dalam bidang berikut:
  - (a) penambahbaikan kurikulum pembelajaran;
  - (b) aktiviti penyelidikan dan penerbitan bersama mengenai bidang kajian yang dipersetujui bersama;
  - (c) pembangunan sumber manusia;
  - (d) khidmat komuniti, persidangan antarabangsa dan seminar bersama; dan

- (e) apa-apa bidang kerjasama lain yang akan dipersetujui kelak oleh Pihak-pihak.
2. Bagi tujuan pelaksanaan kerjasama dalam bidang yang dinyatakan di perenggan 1, Pihak-pihak akan memasuki suatu perjanjian yang mengikat secara undang-undang tertakluk kepada terma dan syarat yang akan dipersetujui kelak oleh kedua-dua Pihak termasuklah peruntukan mengenai “perlindungan hak harta intelek”, “kerahsiaan”, “penangguhan”, dan “penyelesaian pertikaian” seperti yang terkandung di **Lampiran A** Memorandum Persefahaman ini.
  3. Pelaksanaan kerjasama yang dinyatakan dalam perenggan 1 akan berpandukan Pelan Tindakan Bersama di **Lampiran B** Memorandum Persefahaman ini.

### **ARTIKEL III**

#### **PERKIRAAN KEWANGAN**

1. Memorandum Persefahaman ini tidak akan menimbulkan apa-apa tanggungjawab kewangan oleh suatu Pihak ke atas Pihak yang lain.
2. Setiap Pihak akan menanggung kosnya dan perbelanjaannya sendiri berkaitan dengan Memorandum Persefahaman ini.

### **ARTIKEL IV**

#### **KESAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

Memorandum Persefahaman ini hanyalah bertujuan untuk merekodkan niat Pihak-pihak dan tidak membentuk atau menjadikan, atau dihasratkan untuk membentuk atau menjadikan, suatu tanggungjawab di bawah undang-undang dalam negara atau antarabangsa dan tidak akan menimbulkan apa-apa proses perundangan dan tidak akan dianggap membentuk atau menjadikan apa-apa ikatan undang-undang atau

tanggungjawab yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang, secara nyata atau termaklum.

## **ARTIKEL V** **TIADA AGENSI**

Tiada apa-apa yang terkandung di sini boleh ditafsirkan sebagai membentuk suatu usahasama, rakankongsi atau apa-apa urusan rasmi organisasi antara pihak-pihak atau sebagai menjadikan suatu Pihak sebagai agen kepada Pihak yang satu lagi.

## **ARTIKEL VI** **KUATKUASA DAN TEMPOH**

1. Memorandum Persefahaman ini berkuatkuasa dari tarikh ianya ditandatangani dan akan terus berkuatkuasa bagi tempoh **lima (5)** tahun.
  
2. Memorandum Persefahaman ini boleh dilanjutkan bagi suatu tempoh seperti dipersetujui secara bertulis oleh Pihak-pihak.

## **ARTIKEL VII** **NOTIS**

Apa-apa komunikasi di bawah Memorandum Persefahaman ini hendaklah dibuat secara bertulis dalam Bahasa Melayu dan disampaikan secara surat berdaftar ke alamat, atau dihantar ke alamat mel elektronik atau nombor faksimili UPM atau **MPSB** mengikut mana yang berkenaan, yang dinyatakan di bawah atau ke mana-mana alamat atau alamat mel elektronik atau nombor faksimili lain seperti diberitahukan oleh satu Pihak kepada pengirim yang satu lagi, dan hendaklah dianggap telah sempurna diberikan atau dibuat sekiranya disampaikan kepada penerima di alamat atau alamat mel elektronik, atau nombor faksimili yang diakui:-

**Kepada UPM** : **FAKULTI KEJURUTERAAN**  
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**  
43400 UPM Serdang, Selangor

MALAYSIA  
(U/P : Dr. Nat Suhaimi)  
Faks : +603-9769 2046  
E-mel : nat.suhaimi@upm.edu.my

Kepada MPSB : MERAH PERUNDING SDN BHD  
No. R-1-1 Emira Urban Retail,  
Jalan Boling Padang, Seksyen 13,  
40100 Shah Alam,  
Selangor  
(U/P : Siti Zarina Hamzah)  
Faks : +603-3893 6402  
E-mel : sitizarina@merah.com

\*\*\* RUANGANINI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG \*\*\*

Rekod yang dinyatakan di atas menggambarkan persefahaman yang dicapai antara UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA dan **MERAH PERUNDING SDN BHD** bagi perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya.

Ditandatangani pada ..... haribulan ..... tahun ..... dalam dua (2) teks asal dalam Bahasa Melayu. Kesemua teks adalah sahih.

Ditandatangani oleh dan  
bagi pihak

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Ditandatangani oleh dan  
bagi pihak

**MERAH PERUNDING SDN BHD**

.....  
**DATO' PROF. DR. AHMAD FARHAN**  
**MOHD SADULLAH**

Naib Canselor

.....  
**ANWAR BIN HILMI**  
Pengarah Urusan

Di hadapan:

Di hadapan:

.....  
**PROF. Ir. DR. MOHD ZAINAL ABIDIN**  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan

.....  
**SITI ZARINA BINTI HAMZAH**  
Ketua Jurutera

**LAMPIRAN A**  
*(perenggan 2, Artikel II)*

**ARTIKEL A**  
**PERLINDUNGAN HAK HARTA INTELEK**

1. Perlindungan hak harta intelek hendaklah dikuatkuasakan selaras dengan undang-undang, kaedah dan peraturan negara pihak-pihak dan dengan apa-apa perjanjian antarabangsa yang ditandatangani oleh pihak-pihak.
2. Penggunaan nama, logo dan atau lambang rasmi mana-mana pihak dalam apa-apa penerbitan, dokumen dan/atau kertas dilarang, sekiranya kebenaran bertulis tidak diperoleh terlebih dahulu oleh salah satu pihak.
3. Tanpa menjaskan perenggan 1 di atas, hak harta intelek berkaitan apa-apa perkembangan teknologi, produk dan perkhidmatan yang dijalankan:
  - i. secara bersesama oleh pihak-pihak atau hasil penyelidikan yang diperolehi melalui aktiviti bersama, hendaklah dipunyai bersama oleh pihak-pihak mengikut terma-terma yang akan dipersetujui kemudian kelak; dan
  - ii. secara tunggal dan berasingan oleh satu pihak atau hasil penyelidikan yang diperolehi melalui usaha secara tunggal dan berasingan oleh satu pihak, hendaklah dipunyai secara tunggal oleh pihak tersebut.

**ARTIKEL B**  
**KERAHSIAAN**

1. Setiap pihak hendaklah mengakujanji akan menjaga kerahsiaan dokumen, maklumat dan apa-apa data yang diterima daripada, atau diberikan kepada, pihak yang lain dalam tempoh pelaksanaan Memorandum Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dibuat mengikut Memorandum Perjanjian ini.

2. Bagi tujuan perenggan 1 di atas, dokumen, maklumat dan data sedemikian termasuklah apa-apa dokumen, maklumat dan data yang didedahkan oleh satu pihak (pihak yang mendedahkan) kepada pihak yang satu lagi (pihak yang menerima) sebelum atau selepas kuatkuasa Memorandum Perjanjian ini, yang melibatkan perkara teknikal, perniagaan, pemasaran, dasar, tahu-bagaimana, kerahsiaan, perancangan, pengurusan projek dan dokumen, maklumat, data dan/atau penyelesaian lain dalam apa-apa bentuk, termasuk tapi tidak terhad kepada apa-apa dokumen, maklumat atau data yang dinyatakan secara bertulis sebagai "SULIT", atau kerana sifatnya, dihasratkan hanya untuk pengetahuan pihak yang menerima, atau sekiranya diberikan secara lisan, diberi dalam keadaan rahsia.
3. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa peruntukan Artikel ini akan berterusan mengikat pihak-pihak, walaupun Memorandum Perjanjian ini telah tamat.

**ARTIKEL C**  
**PENANGGUHAN**

Setiap pihak memelihara hak, atas sebab keselamatan negara, kepentingan negara, atau ketenteraman awam untuk menangguhkan sementara, sama ada keseluruhan atau sebahagian perlaksanaan Memorandum Perjanjian ini yang mana penangguhan itu hendaklah berkuatkuasa serta merta apabila pemberitahuan mengenainya diberikan kepada pihak yang satu lagi melalui saluran diplomatik.

**ARTIKEL D**  
**PENYELESAIAN PERTELINGKAHAN**

Apa-apa perbezaan atau pertelingkahan antara pihak-pihak mengenai tafsiran dan/atau pelaksanaan dan/atau pemakaian apa-apa peruntukan Memorandum Perjanjian ini hendaklah diselesaikan secara baik melalui perbincangan dan perundingan antara pihak-pihak melalui saluran diplomatik tanpa merujukkannya kepada pihak ketiga atau tribunal antarabangsa.

**LAMPIRAN B**  
*(perenggan 3, Artikel II)*

**PELAN TINDAKAN BERSAMA (2024 – 2029)**  
**PELAKSANAAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**  
**ANTARA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN MERAH PERUNDING SDN BHD**

<b>BIDANG KERJASAMA 1: Penambahbaikan kurikulum pembelajaran</b>				
<b>AKTIVITI</b>	<b>MOD PELAKSANAAN AKTIVITI</b>	<b>OUTPUT (HASIL)</b>	<b>GARIS MASA</b>	<b>UNIT PELAKSANA BAGI SETIAP PIHAK</b>
Pembangunan dan penilaian kurikulum	- Bengkel bersama - Penandaarasan kurikulum	- Reka bentuk kurikulum baharu yang memenuhi keperluan industri	1 hingga 2 tahun	UPM - Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan  MPSB - Unit Kejuruteraan Awam

**BIDANG KERJASAMA 2: Aktiviti penyelidikan dan penerbitan bersama mengenai  
bidang kajian yang dipersetujui bersama**

<b>AKTIVITI</b>	<b>MOD PELAKSANAAN AKTIVITI</b>	<b>OUTPUT (HASIL)</b>	<b>GARIS MASA</b>	<b>UNIT PELAKSANA BAGI SETIAP PIHAK</b>
Penyelidikan dan penerbitan ilmiah secara bersama	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyediaan geran industri</li> <li>- Permohonan geran kerajaan</li> <li>- Penyelidikan bersama</li> <li>- Penerbitan ilmiah bersama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Projek penyelidikan berimpak tinggi</li> <li>- Penerbitan artikel dalam jurnal</li> </ul>	1 hingga 5 tahun	<p>UPM</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua jabatan di bawah Fakulti Kejuruteraan</li> </ul> <p>MPSB</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua unit di bawah MPSB</li> </ul>

**BIDANG KERJASAMA 3: Pembangunan sumber manusia**

<b>AKTIVITI</b>	<b>MOD PELAKSANAAN AKTIVITI</b>	<b>OUTPUT (HASIL)</b>	<b>GARIS MASA</b>	<b>UNIT PELAKSANA BAGI SETIAP PIHAK</b>
Pertukaran staf dan pelajar untuk tujuan latihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pertukaran staf fakulti dan staf syarikat</li> <li>- Latihan industri untuk pelajar tahun akhir</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Berkongsi kepakaran sumber manusia</li> <li>- peningkatan kebolehpasaran pelajar dalam industri</li> </ul>	3 hingga 4 tahun (setiap pertukaran antara 3 hingga 6 bulan)	<p>UPM</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua jabatan di bawah Fakulti Kejuruteraan</li> </ul> <p>MPSB</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua unit di bawah MPSB</li> </ul>

<b>BIDANG KERJASAMA 4: Khidmat komuniti, persidangan antarabangsa dan seminar bersama</b>				
<b>AKTIVITI</b>	<b>MOD PELAKSANAAN AKTIVITI</b>	<b>OUTPUT (HASIL)</b>	<b>GARIS MASA</b>	<b>UNIT PELAKSANA BAGI SETIAP PIHAK</b>
Khidmat komuniti industri dengan universiti serta persidangan dan seminar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penglibatan dalam aktiviti khidmat komuniti setempat dalam bidang berkaitan</li> <li>- Penganjuran persidangan dan seminar antarabangsa dan tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Laporan khidmat komuniti</li> <li>- Laporan dan penerbitan kertas persidangan dan seminar</li> </ul>	1 hingga 5 tahun	<p>UPM</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua jabatan di bawah Fakulti Kejuruteraan</li> </ul> <p>MPSB</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua unit di bawah MPSB</li> </ul>